



## **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 10 / 2021**

### **PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN PRA-PENDAFTARAN PEMILIH AUTOMATIK (SPPA)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA)** akan diadakan pada **1 sehingga 31 Oktober 2021**. Bagi tujuan ini SPR akan mempamerkan maklumat bagi sejumlah 5.8 juta bakal pemilih dan memberi peluang kepada mereka untuk menyemak dan mengesahkan rekod mereka dengan SPR.
  
2. Urusan Semakan Pra-Pendaftaran Pemilih Automatik (SPPA) boleh dibuat melalui dua (2) kaedah berikut:
  - (a) Membuat semakan menggunakan aplikasi **MySPR SPPA** di pautan <https://mysprsppa.spr.gov.my>; atau
  
  - (b) Hadir ke **604 tempat semakan SPPA di seluruh negara** dan mengimbas Kod QR Bahagian Pilihan Raya Parlimen yang diletakkan.
  
3. Dalam tempoh SPPA ini, **mana-mana warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas** yang masih belum mendaftar

sebagai pemilih boleh menyemak, mengesahkan maklumat mereka dan membuat aduan dengan SPR sebelum didaftarkan sebagai pemilih secara automatik.

4. Justeru, SPR menyeru kepada 5.8 juta bakal pemilih berumur 18 tahun dan ke atas untuk **menyemak dan mengesahkan** maklumat mereka dengan SPR. Sekiranya bakal pemilih tidak lagi tinggal di alamat yang dipaparkan, bakal pemilih dinasihatkan untuk **mengemaskini alamat kad pengenalan mereka di Jabatan Pendaftaran Negara selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2021.**
5. Untuk sebarang pertanyaan mengenai SPPA ini, orang ramai boleh hubungi mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri atau **Hotline SPR** di talian **03-8892 7018** atau layari portal [www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**DATUK IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 29 September 2021 / 21 Safar 1423

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **STATISTIK TEMPAT-TEMPAT SEMAKAN URUSAN SEMAKAN PRA-PENDAFTARAN PEMILIH AUTOMATIK (SPPA)**

<b>BIL.</b>	<b>TEMPAT</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Ibu Pejabat/Pejabat Pilihan Raya Negeri	15
2.	Pejabat Pos	234
3.	Kompleks/ Pejabat Kerajaan	36
4.	Pejabat Daerah/ Pejabat Tanah	165
5.	Majlis Daerah/ Perbandaran	59
6.	Dewan Serbaguna/ Rukun Tetangga/ Balai Raya/ Pejabat Penghulu/ Dewan	88
7.	Tempat-tempat lain	7
	<b>JUMLAH</b>	<b>604</b>